

Maklumat Komoditi : Sengkuang

Pengairan Dan Saliran

PENGURUSAN AIR

Pengairan boleh dilakukan dengan menyiram namun bagi petani yang menanam secara komersial sistem pengairan renjis adalah digalakkan. Sistem pengairan renjis mempunyai kecekapan pengairan 65-75% dan keperluan tenaga kerja yang rendah. Kos bahan bagi sistem ini adalah diantara RM 5 000 - RM 8 000 sehektar. Jenis perenjis yang sesuai digunakan mempunyai julat tekanan operasi yang rendah, 1.5 - 2.5 kg/cm dengan kadar alir perenjis 0.3 - 1.0 liter/minit dan garis pusat liputan siraman 25 - 30 m. Penyiraman adalah sangat perlu terutama pada peringkat penanaman dan peringkat jualan. Tanpa penyiraman yang tetap sepanjang hari akan menjejaskan pertumbuhan pokok sengkuang. Perparitan diperlukan bagi kawasan yang menghadapi masalah saliran. Parit ladang boleh dibina untuk mengalirkan air yang bertakung ke parit utama.